

28/07/2002

Perpaduan parti penting bagi kekuatan BN: Ling

PERPADUAN parti amat penting jika MCA ingin terus menjadi salah satu komponen yang bernilai di dalam Barisan Nasional (BN), kata Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata, sebarang perpecahan hanya akan membuka ruang kepada musuh untuk memecah belahkan parti dan kekuatan BN.

"Justeru, MCA ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Datuk Seri Dr Mahathir.

Mohamad atas nasihat diberikan kepada MCA selaku Pengerusi BN, untuk menyelesaikan masalah dalaman MCA.

"Pada keseluruhannya, agenda perdamaian MCA yang mengekalkan semua pemegang jawatan parti dari bahagian hingga ke pucuk pimpinan pusat, telah dapat dilaksanakan dengan lancar. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakam penghargaan saya kepada semua ahli atas kerjasama yang diberikan kepada pucuk pimpinan parti," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Perhimpunan Agung parti itu, di sini, semalam.

Perhimpunan Agung berkenaan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir.

Mohamad, yang juga Presiden BN. Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan pemimpin tinggi parti komponen BN yang lain.

Menyentuh prestasi BN, Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata kepimpinan Dr Mahathir berjaya memastikan BN terus cemerlang dan menangani pelbagai krisis yang amat serius.

"BN telah membuktikan ia adalah satu pakatan politik untuk kemerdekaan, perpaduan rakyat dan pembangunan negara. Keputusan berani dan dasar yang teliti yang diambil Kerajaan untuk membantu negara mengatasi pelbagai masalah, membuatkan kita tidak hairan apabila Dr Mahathir dipuji sebagai 'pengurus krisis' yang paling berkesan," katanya.

Justeru katanya, keputusan Perdana Menteri yang patut diiktiraf sebagai 'Bapa Pemodenan.

Malaysia' untuk mengundurkan diri amat menyedihkan.

"Walaupun kepimpinan Dr Mahathir masih diperlukan oleh negara dan rakyat, tetapi MCA menghormati keputusan beliau untuk berundur diri dari politik dan memilih Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sebagai pengganti beliau untuk memimpin kerajaan dan parti.

"MCA berikrar akan memberi sokongan penuh kepada kepimpinan Datuk Seri Abdullah nanti, sama seperti sokongan yang diberi kepada Dr Mahathir selama ini," katanya.

Kehadiran Dr Mahathir di perhimpunan ini disambut begitu meriah oleh lebih 3,000 ahli

MCA dan laungan 'Dr Mahathir, Dr Mahathir' bergema mengiringi beliau hingga ke dalam dewan perhimpunan.

Sementara itu, Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, berkata nasihat Dr Mahathir supaya seluruh ahli MCA menangani perselisihan faham yang berlaku amat dihormati dan akan dipatuhi.